



## **KENYATAAN MEDIA - SEMINAR PELABURAN SAHAM TERENGGANU**

### **SEMINAR PELABURAN SAHAM TERENGGANU 2018, TERENGGANU DARUL IMAN**

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dengan kerjasama Yayasan Islam Terengganu (YIT) dan Majlis Dakwah Negara telah menganjurkan program Seminar Pelaburan Saham Terengganu. Seminar ini turut melibatkan penyertaan Bursa Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti (SC), bank-bank penasihat serta agensi-agensi MITI untuk terlibat sebagai pempamer dan mengisi slot-slot taklimat yang bersesuaian.

Program ini bertujuan memberi pendedahan kepada pelabur dan bakal-bakal pelabur mengenai strategi yang terbaik dan teknik melabur dengan bijak dalam pelaburan saham; ) mempelajari kaedah pengurusan kewangan dan risiko yang wujud dalam pelaburan saham; dan mewujudkan rangkaian kerjasama di antara pelabur dengan YIT, MITI dan agensi-agensi yang hadir pada hari ini. Program Seminar Pelaburan Saham Terengganu ini telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Haji Ahmad Razif Bin Abd. Rahman, Menteri Besar Terengganu pada 19 Mac 2018, jam 12.00 tengah hari.

Program ini telah mendapat sambutan daripada masyarakat setempat dan pengunjung daripada dalam dan luar daerah Kuala Terengganu. Antara aktiviti yang diadakan adalah beberapa siri taklimat berkaitan pemilikan ekuiti dan pelaburan saham, pameran dan dan pelbagai aktiviti lain yang menarik.

Menurut YAB Dato' Seri Haji Ahmad Razif Bin Abd. Rahman, program Seminar Pelaburan Saham Terengganu ini merupakan julung-julung kali diadakan di Terengganu yang mana penganjuran ini dilaksanakan secara kolaborasi strategik antara MITI dan YIT dengan kerjasama Bursa Malaysia dan Majlis Dakwah Negara. Ini menunjukkan keprihatinan Kerajaan terhadap transformasi ekonomi masyarakat khususnya golongan berpendapatan sederhana. Menurut beliau juga, program ini diadakan sebagai salah satu program turun padang bagi mendekatkan MITI dan agensi dengan masyarakat setempat. Program ini juga merupakan salah satu platform merupakan salah satu



KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

platform yang dapat memberikan pendedahan dan pemahaman kepada rakyat Terengganu mengenai keadaan ekonomi semasa dan peluang dalam pelaburan. Ini adalah bertepatan dengan strategi ekonomi makro dalam Rancangan Malaysia ke-11 untuk menggalakkan pelaburan untuk menerajui pertumbuhan ekonomi. Tambah beliau lagi, dengan ilmu, kemahiran dan teknik analisis tertentu dalam pasaran saham, ia bakal membantu memperkasakan peningkatan ekonomi khususnya bagi golongan pendapatan sederhana melalui pemilikan ekuiti dan pelaburan saham. Ini juga bersesuaian dengan prinsip Transformasi Terengganu Baharu (TTB) kelapan yang diperkenalkan di bawah pentadbiran beliau, iaitu memperkasa bidang pendidikan dengan memperkasa dan merebut peluang serta mendalami ilmu-ilmu dan kemahiran yang ada.

**-Tamat-**

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI**

**19 MAC 2018**

**Tentang MITI:**

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.

**Pertanyaan Media**

**Unit Komunikasi Strategik**

**Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri**

Tel +603 6200 0082

Fax +603 6206 4293

E-mel [allpegkomunikasikorporat@miti.gov.my](mailto:allpegkomunikasikorporat@miti.gov.my)